

## **TAHAP PENGGUNAAN MULTIMEDIA GURU PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN**

Nurul Aina Binti Nazri<sup>1</sup>, Aliza Binti Alias<sup>2</sup>.

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[ivolkxxy@gmail.com](mailto:ivolkxxy@gmail.com)

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana tahap penggunaan multimedia guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di dalam pengajaran dan pembelajaran murid Program Pendidikan Khas Integrasi bermasalah pembelajaran di sekolah. Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan. Kajian ini dijalankan dengan mentadbir borang soal selidik secara dalam talian iaitu menerusi aplikasi google form. Responden kajian ini pula terdiri daripada 30 orang guru PPKI di daerah Machang, Kelantan. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for Social Science 22 for Windows (SPSS) untuk mendapatkan min, peratusan, frekuensi, inferensi dan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan multimedia kalangan guru PPKI masih berada di tahap sederhana dengan skor min 3.09. ini menunjukkan masih ramai guru PPKI daerah Machang tidak mempraktikkan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pembelajaran. Korelasi Pearson pula digunakan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran multimedia guru Program Pendidikan Khas Integrasi dengan tahap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pembelajaran. Oleh itu pengkaji berpendapat beberapa langkah dapat dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membantu guru-guru Program Pendidikan Khas Integrasi untuk meningkatkan lagi penggunaan multimedia guru Program Pendidikan Khas Integrasi dalam pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pembelajaran. Antaranya ialah dengan menaik taraf perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar untuk memastikan kemudahan internet tersedia sepanjang masa untuk kemudahan guru dan murid. Selain itu, kursus-kursus berkaitan multimedia juga harus dijalankan secara berkala supaya guru-guru dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam menggunakan multimedia seterusnya mereka dapat mengaplikasikan penggunaan multimedia dengan lebih efektif dalam pengajaran dan pembelajaran murid Program Pendidikan Khas Integrasi bermasalah pembelajaran

Kata kunci: Multimedia, Guru Program Pendidikan Khas Integrasi, Murid Bermasalah Pembelajaran, Pengajaran dan Pembelajaran

### **Abstract**

This study aims to identify the extent of multimedia use of Special Education Integration Program (SEIP) teachers in the teaching and learning of Special Education Integration Program students with learning difficulties in schools. This study is a survey study. This study was conducted by administering the questionnaire form online through the google form application. The respondents of this study consisted of 30 Special Education Integration Program teachers in

Machang district, Kelantan. The study data were analyzed descriptively using Statistical Package for Social Science 22 for Windows (SPSS) to obtain mean, percentage, frequency, inference and. The findings show that the level of multimedia use among Special Education Integration Program teachers is still at a moderate level with a mean score of 3.09. This shows that there are still many Special Education Integration Program teachers in Machang district who do not practice multimedia in the teaching and learning of students with learning difficulties. Pearson correlation is also used to show that there is a significant relationship between multimedia skills of Special Education Integration Program teachers with the level of multimedia use in the teaching and learning of students with learning difficulties. Therefore, the researcher thinks that several steps can be taken by the Ministry of Education Malaysia in helping the teachers of the Special Education Integration Program to further increase the use of multimedia teachers of the Special Education Integration Program in teaching and learning students with learning difficulties. Among them is by upgrading broadband services in rural areas to ensure that internet facilities are available at all times for the convenience of teachers and students. In addition, multimedia-related courses should also be conducted periodically so that teachers can improve their skills in using multimedia and then they can apply the use of multimedia more effectively in the teaching and learning of Special Education Program Integration students with learning disabilities.

Keywords: Multimedia, Integrated Special Education Program Teachers, Student with Learning Disabilities, Teaching and Learning.

## 1.0 PENGENALAN

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memberikan peluang pendidikan sama rata kepada semua murid yang berkeperluan khas untuk mendapat akses pendidikan yang relevan dan sesuai dengan keupayaan mereka. PPKI mula diperkenalkan pada tahun 1962 di Malaysia. PPKI dibahagikan kepada tiga kategori iaitu bermasalah pembelajaran, bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan. Setiap kategori PPKI ini memfokuskan kepada masalah yang dihadapi oleh murid. PPKI bermasalah pembelajaran memfokuskan kepada murid yang mempunyai masalah pembelajaran khusus seperti kurang upaya intelek, sindrom down, hiperaktif, autism, dan palsy serebrum. Semua murid berkeperluan khas (MBK) diberi peluang untuk mengikuti program intervensi awal agar keupayaan mereka akan dapat dioptimumkan.

Guru PPKI merupakan individu penting yang berperanan mendidik murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran. Demikian, guru PPKI haruslah peka dengan setiap keperluan pendidikan MBK bermasalah pembelajaran dan menggunakan pendekatan yang sesuai dengan tahap keupayaan intelek dan kebolehan mereka dalam PdP. Menurut Sidek et al (2016) penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran telah lama dibuktikan berkesan dan dilihat mampu untuk membantu perkembangan bidang pendidikan. Oleh itu, kemahiran dalam menggunakan multimedia adalah sangat penting supaya dapat dipraktikkan semasa sesi PdP dijalankan sebagai guru PPKI.

Penggunaan multimedia juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk membantu MBK bermasalah pembelajaran untuk menguasai sesuatu topik pembelajaran dengan lebih mudah dan cepat. Ini disokong oleh pernyataan Arsad dan Khalid (2011) dalam kajian mereka yang menyatakan teknologi multimedia merupakan saluran penting bagi penyebaran maklumat dalam PdP untuk murid. MBK bermasalah pembelajaran mempunyai

ciri-ciri yang berbeza antara satu dengan yang lain. Walaupun mereka belajar di kelas yang sama dan mengikuti kurikulum yang sama, mereka tidak dapat memahami apa yang diajar oleh guru dengan jelas kerana kepelbagaian ciri-ciri mereka.

## **2.0 LATARBELAKANG / PERNYATAAN MASALAH**

MBK bermasalah pembelajaran mempunyai ciri-ciri yang berbeza antara satu dengan yang lain. Walaupun mereka belajar di kelas yang sama dan mengikuti kurikulum yang sama, mereka tidak dapat memahami apa yang diajar oleh guru dengan jelas kerana kepelbagaian ciri-ciri mereka. Hal ini akan menyebabkan segelintir murid kurang berminat untuk belajar, menunjukkan tingkah laku disruptif dan leka semasa sesi PdP berlangsung. Seterusnya, mereka akan berhadapan dengan masalah akademik seperti kurang faham dengan matapelajaran dan gagal dalam ujian.

MBK bermasalah pembelajaran juga mempunyai masalah tumpuan yang singkat (Ab. Aziz dan Siti Rubiyani, 2018). Fokus mereka kepada PdP hanya seketika sahaja. Seterusnya mereka akan mula leka, berbual dengan rakan dan bermain secara sendirian yang membuatkan mereka tidak fokus lagi terhadap PdP guru. Kesannya, apa yang diajar oleh guru semasa PdP tidak dapat diingati oleh mereka selepas tamat sesi persekolahan. Ini menyebabkan guru harus mengulang PdP dengan pelbagai teknik dan gaya pengajaran yang berbeza yang sama supaya dapat mencapai objektif pembelajaran murid.

Oleh kerana peranan guru PPKI yang sangat mustahak dalam membantu meningkatkan tahap pendidikan MBK berkeperluan khas, pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan lagi kemahiran pedagogi guru dalam memberikan seperti bengkel tentang penggunaan teknologi multimedia, kemudahan komputer dan internet di sekolah agar para guru menggunakan multimedia dalam sesi pengajaran dan pembelajaran murid. Pelbagai perisian dan aplikasi telah diperkenalkan khusus untuk membantu dalam pembelajaran murid seperti e-learning, pembelajaran berasaskan komputer, permainan pembelajaran dan lain-lain lagi. Hal ini supaya guru PPKI mendapat idea-idea serta strategi yang sesuai untuk sesi pengajaran dan pembelajaran murid berkeperluan khas. bermasalah pembelajaran.

Penggunaan multimedia merupakan salah satu kaedah pengajaran yang berkesan dalam menyampaikan pengajaran di masa kini. Jika suatu ketika dahulu, guru lebih banyak bergantung kepada bahan yang di ambil dari buku teks, akhbar, majalah, buku rujukan dan pelbagai bahan bercetak untuk membantu mereka dalam proses PdP tetapi kini teknologi multimedia telah banyak membantu guru-guru dalam meningkatkan teknik pengajaran di bilik darjah. Ini kerana murid hari ini bukan sahaja telah banyak didedahkan dengan pelbagai teknologi moden yang serba canggih malah banyak juga mereka juga bergantung kepada teknologi tersebut dalam kehidupan seharian.

Perkembangan teknologi terkini menyediakan lebih banyak mod persembahan maklumat secara dinamik berbanding kaedah pengajaran dan media tradisional (Guttormsen et al., 2000). Antaranya ialah seperti aplikasi animasi dalam PdP (Chan Lin, 2000). Pembangunan teknologi multimedia juga menekankan kepada pembelajaran interaktif dan mengambil kira teori-teori pembelajaran atau berdasarkan suasana dan keperluan semasa. PdP berasaskan multimedia adalah berkaitan dengan proses bagaimana seorang murid belajar. Selain itu, PdP berasaskan multimedia haruslah menjana dan menggunakan idelogi tertentu serta dikukuhkan dengan penggunaan pelbagai jenis media yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Norleliani Md Sharif (2012) juga, unsur interaktif dan rekabentuk yang menarik juga penting bagi menghasilkan PdP yang bermakna dan juga berkesan dalam membantu murid memahami sesuatu tajuk pelajaran. Dengan menerapkan unsur interaktif

yang bersesuaian dan rekabentuk yang menarik, murid akan lebih berminat untuk mengikuti sesuatu topik yang diajar oleh guru.

Guru dianggap kompeten dalam mengembangkan kemahiran, bakat, potensi dan pengetahuan murid dalam pelbagai bentuk (Noraini, 2010). Oleh itu, sebagai guru PPKI yang merupakan profesional telah dilatih secara khusus haruslah berusaha untuk membantu MBK mencapai potensi diri yang maksima dan berupaya untuk mengatasi batasan mereka. Berdedikasi, mempunyai tahap kesabaran yang tinggi dan mempunyai sikap empati merupakan ciri-ciri utama guru PPKI supaya dapat membantu MBK untuk mencapai kejayaan. Menurut Bahagian Pendidikan Khas (2013), guru-guru PPKI boleh didefinisikan sebagai guru yang mendidik dan membantu MBK dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk membantu murid menguasai pengetahuan dan kemahiran secara beransur-ansur menggunakan teknik dan kaedah yang bersesuaian. Peranan guru PPKI akan menentukan minat pelajar terhadap penggunaan komputer kerana guru banyak mencorak keperibadian pelajar, lebih-lebih lagi pelajar khas. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk melihat tahap penggunaan multimedia guru PPKI dalam PdP murid bermasalah pembelajaran.

### **3.0 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi mencari jawapan kepada setiap persoalan kajian yang dikemukakan seperti di bawah:

1. Adakah guru-guru PPKI menggunakan multimedia dalam PdP MBK bermasalah pembelajaran?
2. Adakah terdapat hubungan antara kemahiran multimedia guru-guru PPKI dengan tahap penggunaan multimedia dalam PdP MBK bermasalah pembelajaran?

### **4.0 METADOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan yang menggunakan kaedah soal selidik secara atas talian untuk mengumpulkan data. Borang soal selidik yang digunakan telah diadaptasi daripada Noor Zamrina Jusoh (2013) dalam kajian yang bertajuk “Tahap Pengetahuan dan Keyakinan Guru PPKI Terhadap Murid Kecelaruhan Kurang Tumpuan dan Hiperaktif (ADHD)”. Setiap item di dalam soal selidik ini menjurus kepada persoalan kajian dan mengikut kesesuaian guru PPKI dan mudah untuk difahami. Borang soal selidik ini mengandungi 3 bahagian utama iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mempunyai 10 item melibatkan maklumat latar belakang responden seperti jantina, umur, pengalaman mengajar dan lain-lain. Bahagian B pula melibatkan item-item berkaitan kemahiran penggunaan multimedia guru dan Bahagian C melibatkan item-item berkenaan dengan tahap penggunaan multimedia di kalangan guru PPKI dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran.

### **5.0 DAPATAN KAJIAN**

Tahap Penggunaan Multimedia Guru PPKI Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran MBK Bermasalah Pembelajaran.

Tahap penggunaan multimedia dalam kalangan guru PPKI di daerah Machang boleh dirujuk pada jadual di bawah. Terdapat dua belas item berkaitan dengan amalan pengajaran yang telah ditadbirkan kepada responden kajian. Hasil dapatan kajian mendapati item-item yang menunjukkan penggunaan multimedia dalam kalangan guru-guru PPKI dalam PdP MBK bermasalah pembelajaran adalah di tahap sederhana.

Jadual 5.1 Skala Pengukuran Kemahiran Multimedia Guru PPKI

Item	Min	SP	Tahap
Kekerapan guru Menggunakan teknologi multimedia semasa sesi PdP bersama MBK bermasalah pembelajaran	3.4	1.11	Sederhana
Kekerapan guru menggunakan teknologi multimedia dalam menarik minat MBK bermasalah pembelajaran sebelum sesi PdP bersama MBK bermasalah pembelajaran berlangsung.	3.4	1.00	Sederhana
Kekerapan guru memberikan MBK bermasalah pembelajaran lembaran kerja berasaskan multimedia dalam aktiviti PdP.	2.9	1.10	Sederhana
Kekerapan guru menggunakan multimedia sebagai bahan bantu mengajar dalam PdP.	3.7	0.78	Tinggi
Kekerapan guru menggunakan multimedia dalam menilai tahap penguasaan murid dalam sesuatu kandungan yang diajar.	2.6	1.07	Sederhana
Kekerapan guru menggunakan multimedia dalam mengatasi masalah kurang tumpuan dalam kalangan MBK bermasalah pembelajaran	3.4	1.03	Sederhana
Kekerapan guru menggunakan multimedia dalam membantu meningkatkan kemahiran motor MBK bermasalah pembelajaran.	2.9	1.07	Sederhana
Kekerapan guru menggunakan multimedia dalam membantu meningkatkan kemahiran komunikasi MBK bermasalah pembelajaran.	3.0	1.06	Sederhana
Kekerapan guru menggunakan multimedia dalam membantu meningkatkan kemahiran menulis MBK bermasalah pembelajaran.	2.7	1.09	Sederhana
Kekerapan guru menggunakan multimedia dalam membantu meningkatkan kemahiran membaca MBK bermasalah pembelajaran.	3.1	1.08	Sederhana
Kekerapan guru menggunakan multimedia dalam melakukan aktiviti pengukuhan dan pengayaan kepada MBK bermasalah pembelajaran	2.9	1.00	Sederhana
Kekerapan guru menggunakan multimedia dalam menerapkan nilai-nilai murni dalam diri MBK bermasalah pembelajaran	3.1	1.02	Sederhana
Min keseluruhan	3.09		

Jadual 1 menunjukkan dapatan bagi item yang berkaitan dengan tahap penggunaan multimedia dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran. Berdasarkan jadual, penggunaan multimedia di kalangan guru PPKI dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran masih berada di tahap yang sederhana. Ini dibuktikan melalui pencapaian min keseluruhan bagi item-item yang berkaitan iaitu 3.09.

Melalui soal selidik yang ditadbir, hanya satu item mendapat skor min tinggi 3.7 iaitu item kekerapan guru menggunakan multimedia sebagai bahan bantu mengajar dalam PdP. Hal ini menunjukkan walaupun guru-guru mempunyai kemahiran dalam teknologi multimedia, mereka masih tidak menggunakannya secara menyeluruh dalam pembelajaran murid

bermasalah pembelajaran. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Othman, Yahya dan Bakri (2007) dalam kajian mereka yang bertajuk Aplikasi Komputer dalam Pengajaran Bahasa : Penguasaan Guru dan Kekangan dalam Pelaksanaan. Hasil dapatan mereka mendapati bahawa kemahiran guru yang tinggi dalam teknologi dan multimedia adalah penting bersesuaian dengan keperluan murid masa kini. Dapatan kajian mereka juga membincangkan akan pentingnya perkongsian ilmu tentang teknologi dan maklumat dalam kalangan guru-guru. Smeets and Mooiji (2005) juga menegaskan bahawa teknologi multimedia memberikan kesan yang positif dalam bidang pendidikan. Kemajuan teknologi multimedia ini adalah sejajar dengan peningkatan mutu pembelajaran pendidikan pada masa kini.

#### Hubungan Antara Kemahiran Dengan Tahap Penggunaan Multimedia Guru dalam PdP MBK Bermasalah Pembelajaran.

Hubungan di antara kemahiran guru dalam multimedia dengan tahap penggunaan multimedia dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran telah dianalisis menggunakan kaedah korelasi Pearson. Hasil analisis yang diperolehi telah diringkaskan seperti dalam Jadual 11 di bawah.

Jadual 2 Ujian Korelasi Hubungan Antara Kemahiran Multimedia Guru PPKI dengan Tahap Penggunaan Multimedia Dalam PdP MBK bermasalah pembelajaran

<b>KEMAHIRAN</b>		
Tahap Penggunaan	Korelasi	0.518**
	Signifikan (2 Hujung)	0.003
Bilangan		30

\*\*Korelasi signifikan pada nilai 0.01 (2 hujung)

Berdasarkan jadual 2, kemahiran multimedia dan tahap penggunaan multimedia menunjukkan pekali korelasi berada pada tahap 0.518 iaitu antara 0.40-0.60. Alias Baba (1997) menyatakan korelasi tersebut berada pada tahap yang sederhana. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran multimedia guru dengan tahap penggunaan multimedia dalam kalangan guru PPKI. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Razak dan Rahman (2013) yang turut berpendapat kemahiran dalam menggunakan multimedia adalah berkait rapat dengan penggunaan multimedia dalam pembinaan media pengajaran. Menurut mereka, guru-guru yang berkemahiran tinggi dalam multimedia dapat membangunkan sendiri bahan pengajaran berasaskan teknologi dan multimedia. Dapatan kajian ini juga disokong oleh Razali et al. (2017) yang menyatakan semakin tinggi kemahiran seseorang guru dalam penggunaan teknologi maklumat maka semakin tinggi tahap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran.

## 6.0 CADANGAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian tinjauan yang dijalankan dalam skop dan populasi yang kecil. Hanya 30 orang guru PPKI dari Daerah Machang, Kelantan menyertai kajian ini. Jadi hasil dapatan daripada kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan guru PPKI. Oleh yang demikian, untuk kajian selanjutnya sampel yang lebih besar dapat digunakan untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang tahap penggunaan multimedia guru PPKI dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran. Contohnya seperti menggunakan sampel daripada kawasan luar bandar di sesebuah negeri di Malaysia. Ini

akan dapat menambahkan lagi dapatan tentang penggunaan kemahiran multimedia dalam kalangan guru PPKI di luar bandar.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan satu bentuk instrumen iaitu soal selidik sahaja. Oleh itu, pengkaji tidak dapat mengkaji dengan lebih mendalam tentang pendapat guru-guru program pendidikan khas. Mohammad Najib (1999) menyatakan kepelbagaian instrumen kajian akan menghasilkan dapatan dan nilai kesahan yang lebih tepat. Untuk kajian seterusnya, para pengkaji bolehlah menggunakan pelbagai instrumen seperti temubual dan juga pemerhatian. Kajian ini juga hanya melihat kepada hubungan antara kemahiran multimedia guru-guru PPKI dengan tahap penggunaan multimedia dalam pengajaran murid bermasalah pembelajaran.

Untuk kajian selanjutnya, pengkaji dicadangkan untuk melihat hubungan antara penggunaan multimedia dengan prestasi murid bermasalah pembelajaran dalam pembelajaran. Ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan multimedia ke atas murid bermasalah pembelajaran pada jangka masa tertentu. Pada masa akan datang, diharapkan para pengkaji akan dapat menjalankan sebuah kajian mengenai tahap penggunaan multimedia dalam kalangan guru-guru PPKI secara dalam skop yang besar. Ini adalah kerana, kajian seumpama ini jarang dilaksanakan di Malaysia dan kekurangan maklumat mengenai tahap penggunaan multimedia guru PPKI dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran.

## 7.0 RUJUKAN

- Arsat, M., & Khalip, H. (2011). Penggunaan Perisian Multimedia Dalam Pengajaran Guru-Guru Teknikal.
- Chan Lin, L.J. (2000) "Attributes of Animation for Learning Scientific Knowledge." *Journal of Instructional Psychology*, 27 (4), 228-238.
- Guttormsen-Schär, S. and Krueger, H. (2000). Using New Learning Technologies with Multimedia. *IEEE MultiMedia*, 7, 3, 40-5.
- Individuals with Disabilities Act-Part B. (2004). 20 U.S.C. 1400. Public Law 108-446. Diperoleh dari <http://idea.ed.gov/download/statute.html>
- Md Sharif, N. (2012). Kesan penggunaan multimedia dalam kalangan pelajar politeknik yang berbeza gaya kognitif (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education
- Sidek, Salman Firdaus, Nur Saadah Fathil, Nur Zuhaidah Mohamed Zain, and Kamillah Muhammad. (2016) "Pembangunan Perisian Kursus" SAYA SUKA BELAJAR" untuk Pembelajaran Bahasa Melayu bagi Kanak-kanak Autisme." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 4, no. 1 (2016): 1-10.